

Hasut penduduk bantah projek **Negara malu jika Lima gagal**

11 OCT 1991

ALOR STAR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sedih kerana usaha Kerajaan Pusat membawa kemajuan ke Langkawi tidak dihargai oleh sesetengah penduduk sehingga sanggup mengambil tindakan mahkamah bagi menghalang projek pembangunan.

Katanya ada golongan tertentu yang menghasut penduduk supaya membantah projek penginapan bagi menggagalkan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima) yang akan diadakan 11 November ini.

Beliau mengulas perintah mahkamah supaya Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) menghentikan sementara pembinaan hotel di dua lot tanah di pulau peranginan itu.

Perdana Menteri diberi taklimat khas oleh Lada di Langkawi pagi ini mengenai perintah mahkamah terhadap projek itu.

Mahkamah Tinggi Pulau Pinang kelmarin, menahan sementara Lada dan kontraktor Woodhouse Sdn Bhd daripada meneruskan pembinaan hotel di dua lot tanah milik Puan Saodah Md Noh, di Mukim Padang Mat Sirat, Langkawi.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pihak yang menghasut sering ke Langkawi un-

tuk mempengaruhi penduduk mengagalkan projek kerajaan. Ini bukan saja merugikan penduduk, bahkan menjadikan mereka terus mundur.

"Saya berduhacita kerana ada penduduk Langkawi meherima hasutan itu sehingga sanggup berparang. Mereka yang terbabit tidak ada perasaan tanggungjawab menjaga maruah negara.

"Dahulu tanah mereka hanya bernilai \$500 sehektar tetapi kini ada yang meminta sehingga \$500,000 sehektar. Dulu mereka tidak bau juta langsung, tetapi sekarang sudah cakup juta-juta ringgit.

"Saya sedih kerana pemilik tanah yang mendapat ganjaran besar, sama sekali tidak mengambil kira kenaikan harga tanah di Langkawi sekarang disebabkan kerajaan melabur begitu banyak di pulau itu. Kerajaan juga sanggup tidak mengutip cukai.

"Mereka sepatutnya tidak membuat desakan dan menuntut bayaran yang bukan-bukan sehingga harga tanah di Langkawi menjadi lebih mahal daripada Pulau Pinang," katanya.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini, tengah hari ini, bagi melancarkan seren-

tak Program Malaysia Prihatin peringkat kebangsaan, Institut Kemahiran Belia Negara dan Perhimpunan Belia peringkat negeri petang ini.

Ditanya sama ada kerajaan akan meneruskan projek pembinaan hotel iitu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata:

"Kita teruskan. Tempat yang kena berhenti, kita hentikan dan kita tidak akan roboh bangunan yang sudah siap. Perkara itu akan diselesaikan melalui mahkamah."

Katanya perintah mahkamah akan menjejaskan pencapaian Lima yang akan memberi keuntungan kepada penduduk Langkawi dan Kedah. "Semuanya ini adalah usaha Kerajaan Puat dan bukannya penduduk Langkawi" katanya.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan akan memohon perintah mahkamah bagi mengetepikan perintah menahan sementara projek itu.

"Kita terpaksa memohon perintah mahkamah bagi mengetepikan menahan sementara projek itu, jika tidak ia akan menggagalkan Lima dan boleh memalukan negara. Dunia akan pandang hina jika kita gagal menyediakan tempat penginapan untuk peserta Lima," katanya.